



15

YAYASAN ISLAM KELANTAN
Peti Surat 248, 15730 Kota Bharu, Kelantan

byk

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2016

**PELAKSANAAN PENAMBAHAN BILANGAN HARI CUTI SAMBILAN
BAGI GURU KHAS, GURU SANDARAN DAN GURU ELAUN**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menyelaraskan pelaksanaan pemberian Cuti Sambilan yang dinikmati oleh Guru Khas, Guru Sandaran dan Guru Berelaun yang berkhidmat di bawah Yayasan Islam Kelantan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Mulai tahun 1996, Lembaga Yayasan Islam Kelantan telah meluluskan cuti sambilan bagi Guru Sandaran dan Guru Berelaun, seterusnya Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Pendidikan Bilangan 1/2007 telah bersetuju kemudahan tersebut dipanjangkan kepada Guru Khas.
- 2.2 Semua Guru Khas, Guru Sandaran dan Guru Berelaun diberi Cuti Sambilan sebanyak 3 hari ditambah 1 hari Cuti Atas Urusan Mustahak dalam tempoh setahun dan tidak ada pemberian dalam bentuk wang tunai bagi menggantikan cuti yang tidak dihabiskan.
- 2.3 Melalui Kaedah Pengambilan cuti sambilan ini diharap guru-guru dapat merancang dan mengambil cuti dengan lebih teratur supaya tidak menjejaskan keberkesanan proses Pengajaran Dan Pembelajaran di sekolah.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Mesyuarat Lembaga Yayasan Islam Kelantan Bil 1/2016 telah bersetuju cuti Sambilan yang diperuntukkan sebanyak 3 hari bagi Guru Khas, Guru Sandaran dan Guru Berelaun telah ditambah bilangannya kepada 7 hari dan 1 hari Cuti Atas Urusan Mustahak telah dimansuhkan.
- 3.2 Selaras dengan pelaksanaan pekeling ini, pemberian Cuti Sambilan sebanyak 7 hari layak diambil oleh Guru Khas, Guru Sandaran dan Guru Berelaun secara pro-rata mulai bulan Januari hingga Disember bagi sesuatu tahun.
- 3.3 Mengikut prinsipnya permohonan Cuti Sambilan boleh diluluskan 1 hari setiap 2 bulan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, kes kecemasan Pengetua/ Guru Besar boleh menyokong permohonan Cuti Sambilan yang melebihi kelayakan tanpa terikat dengan tempoh perkhidmatan yang melayakkan terhad untuk tujuan-tujuan berikut :

- (a) menziarahi 'ahli keluarga' dan 'ahli keluarga rapat' yang sakit tenat atau meninggal dunia;
- (b) menziarahi upacara keagamaan yang dianuti oleh pegawai;
- (c) dalam keadaan kecemasan atau kemalangan yang menimpa seperti kebakaran, banjir dan sebagainya;
- (d) majlis konvokesyen bagi pegawai atau 'ahli keluarga';
- (e) mendaftar anak ke sekolah atau institusi pengajian tinggi (di dalam atau di luar negara);
- (f) menunaikan fardhu haji sekiranya tempoh 40 hari tidak mencukupi;
- (g) menghadiri kursus suai kenal bagi kursus luar kampus; dan
- (h) perkahwinan pegawai atau anak pegawai.

3.4 Sekiranya kelayakan cuti sebagaimana di para 3.2 telah di gunakan, maka guru perlu memohon Cuti Tanpa Gaji (CTG). Permohonan Cuti Tanpa Gaji hendaklah dikemukakan dalam tempoh 1 bulan untuk diluluskan oleh Pengarah Yayasan Islam Kelantan.

3.5 Dalam tempoh Cuti Tanpa Gaji, Cuti Haji, Cuti Tibi, Kusta Dan Barah dan Cuti Sakit berlebihan adalah cuti yang tidak melayakkan untuk mendapat Cuti Sambilan. Apabila cuti-cuti yang tidak melayakkan untuk mendapat Cuti Sambilan diambil maka tempoh cuti tersebut akan ditolak dari kelayakan Cuti Sambilan.

Contoh Kelayakan cuti Cuti Sambilan :-

a) Cuti Haji selama 40 hari pada tahun 2016

$$\frac{40}{360} \times 7 = 0.77 \text{ hari}$$

Maka : 7 hari - 1 hari = 6 hari (Kelayakan pada 2016)

b) Cuti Tanpa Gaji selama 120 hari pada tahun 2016

$$\frac{120}{360} \times 7 = 2.33 \text{ hari}$$

Maka : 7 hari - 2 hari = 5 hari (Kelayakan pada 2016)

3.5 Cuti Sambilan ini adalah untuk kegunaan dalam tahun semasa dan sekiranya tidak dapat dihabiskan tidak boleh dibawa ke tahun hadapan dan tidak ada pemberian dalam bentuk wang tunai bagi menggantikan cuti yang tidak dihabiskan.

4. TARIKH KUATKUASA


Pekeliling ini berkuatkuasa mulai Januari 2016

“ SYARIAT ALLAH MEMBIMBING RAJA DAN RAKYAT SEPANJANG ZAMAN ”

‘ MEMBANGUN BERSAMA ISLAM ’

‘ AKHLAK MEMBINA KESEJAHTERAAN UMMAH ’

Yang menurut perintah,



(TENGGU AB RAHMAN BIN TUAN YUNUS)

Pengarah,

Yayasan Islam Kelantan